

Banjir di Terengganu, Kelantan dan Melaka semakin buruk

564 mangsa dipindahkan



KUALA LUMPUR - Keadaan banjir di tiga negeri iaitu Terengganu, Kelantan dan Melaka semakin buruk dengan mangsa yang dipindahkan setakat petang semalam berjumlah 564 orang.

Di **TERENGGANU**, jumlah mangsa yang dipindahkan di negeri ini meningkat kepada seramai 373 orang semalam berbanding 47 orang kelmari.

Kesemua 373 mangsa banjir itu ditempatkan di lapas pusat pemindahan iaitu masing-masing tiga di Hulu Terengganu dan Besut serta dua di Setiu.

Jurucakap Majlis Keselamatan Negeri berkata, tiga pusat pemindahan yang dibuka di Hulu Terengganu ialah di balai raya dan masjid di Kampung Sekayu yang menempatkan seramai 19 orang daripada tiga keluarga, Balai Raya Kampung Cheting (58 orang) dan Balai Raya Kampung Pelandan (enam orang).

Paling terjejas katanya, ialah daerah Besut apabila seramai 175 orang kini ditempatkan di tiga pusat pemindahan iaitu di Masjid Kampung Keruak, Dewan Serbaguna Kampung Keruak dan Masjid Kampung La.



PERUMAHAN Taman Seri Mulong, Kota Bharu ditenggelami air banjir semalam

Sementara itu di **KELANTAN**, hampir 140 mangsa mula dipindahkan ke pusat pemindahan selepas kediaman mereka dinaiki air sejak tengah hari semalam.

Setakat pukul 5.30 petang semalam, seramai 20 keluarga terdiri daripada 113 mangsa yang mendiami Kampung Kedai Mulong dipindahkan ke Sekolah Kebangsaan (SK) Mulong 1 di sini selepas rumah mereka diteng-

gelami air.

Selain itu, di Pasir Puteh seramai 26 orang daripada tiga keluarga dari Kampung Bukit Awang, Kampung Gong Kala dan Kampung Gong Kedim dipindahkan ke SK Bukit Awang, Pasir Puteh.

Di **MELAKA**, seramai 51 orang mangsa banjir daripada 11 keluarga di daerah Jasin dipindahkan ke dua pusat pemindahan sehingga pukul 5 petang semalam.



LIMA kanak-kanak menaiki sampan ketika bermain banjir di Kampung Nyatoh, Setiu semalam.

Penolong Setiausaha Majlis Keselamatan Negara (MKN) Melaka, Aziz Sulaiman berkata, mereka adalah penduduk dari Kampung Parit Lampung dan Kampung Tanjung Labuh di Tehel serta Kampung Parit Penghulu Benteng di Sungai Rambai.

Jelasnya, mangsa banjir itu kini ditempatkan di dua pusat pemindahan iaitu di SK Tehel dan SK Parit Penghulu.

INFO **Talian kecemasan Banjir**

Bilik Gerakan Bencana Negeri Terengganu

09-6316021

Majlis Keselamatan Negeri Melaka

06-2345555

Majlis Keselamatan Negeri Kelantan

09-7481173

MADA tidak lepas air sesuka hati

ALOR SETAR - Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) meminta orang ramai agar tidak terpengaruh dengan khabar angin yang kononnya agensi itu akan melepaskan air empangan dalam kuantiti banyak pada hari ini seterusnya mengakibatkan banjir.



Pengerusinya, Datuk Seri Mahdzir Khalid (**gambar**) berkata, perkara itu tidak berlaku kerana MADA hanya melepaskan air dalam kuantiti biasa iaitu sekitar 2,000 kaki padu sesaat bagi memenuhi keperluan pengairan untuk tanaman padi dan bekalan air domestik.

Beliau berkata, pelepasan air adalah rutin biasa yang dilakukan sepanjang tahun dan bukannya kerana bimbang keselamatan empangan akan terjejas akibat tidak dapat menahan air terlalu banyak seperti didakwa pihak tidak bertanggungjawab. "Agensi ini tidak akan me-

lepaskan air empangan sewenang-wenangnya terutama ketika air sungai berada pada paras yang tinggi.

"Selain itu, kita juga tidak pernah melepaskan air dari empangan semasa banjir berlaku di hilir empangan," katanya kepada pemberita di ibu pejabat lembaga tersebut di Ampang Jajar di sini semalam.

Tiga buah empangan yang dikenali dan diselenggara oleh MADA yang berfungsi untuk menampung air bagi keperluan pengairan pertanian dan bekalan air domestik di negeri ini ialah Empangan Muda, Pedu serta Ahning.

Mahdzir berkata, kedudukan semasa takungan air di ketiga-tiga empangan MADA adalah di antara 61 hingga 83 peratus dan berkeupayaan menampung segala aliran air masuk akibat daripada hujan di kawasan tadahan empangan.

Sukarelawan Bulan Sabit siap sedia bantu mangsa bah

ALOR SETAR - Seramai 31,000 sukarelawan Bulan Sabit Merah Malaysia (BSMM) di seluruh negara sudah bersiap sedia untuk membantu mangsa terjejas dalam masa kurang 24 jam.

Pada masa yang sama, seramai 2,000 daripada jumlah sukarelawan itu akan mendahului ketibaan mereka di lokasi banjir dalam masa sejam.

Naib Pengerusi Kebangsaan BSMM, Datuk Wira Dr. Bahari Abu Mansor berkata, pihaknya akan memastikan pasukannya mendahului dalam menghulurkan apa sahaja bantuan kepada mangsa banjir.

"Bagi melicinkan operasi, BBSM juga telah menubuhkan pasukan khas, Rapid Deployment Squad (RDS) yang akan mengetuai setiap sukarelawan di setiap kawasan dilanda bencana seperti banjir.

"Setiap negeri akan mempunyai sekurang-kurangnya 20 ahli RDS dan kini kita telah mempunyai 400 ahli RDS terlatih," katanya selepas menyerahkan sebuah bot dan tiga set dapur kepada BBSM Kedah di sini semalam.

Kata beliau, sebahagian sukarelawan telah digerakkan ke kawasan-kawasan yang telah dilanda



BAHARI (dua dari kanan) melihat beberapa peralatan memasak dan sebuah bot sebagai persediaan menghadapi banjir di Alor Setar semalam

banjir seperti di Kuala Terengganu.

"Kita juga telah arahkan semua BBSM di semua negeri yang be-

risiko banjir agar bersiap sedia dan memastikan semua peralatan seperti bot, peralatan memasak dan ubat-ubatan cukup," jelasnya.